

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Pengajian Undang-Undang
Sent: Thursday, 26 January, 2017 8:56 AM
To: UUM - All Staff
Cc: Haslida Binti Ismail
Subject: SoL ONLINE: MAJLIS MENANDATANGI MEMORANDUM PERSEFAHAM (MoU)
ANTARA UNIVERSITI UTARA MALAYSIA DAN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
MALAYSIA



PUSAT PENGAJIAN UNDANG-UNDANG
SCHOOL OF LAW
Universiti Utara Malaysia

26 JANUARI 2016 / 27 RABIULAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Dr/Tuan/Puan



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM) DAN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (UIAM)

SoL Online: Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah diadakan pada 22 Januari 2017 sempena berlangsung Mesyuarat Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor di UUM. Majlis tersebut disaksikan oleh Naib Canselor-Naib Canselor dan Rektor-Rektor dari Universiti Awam di Malaysia dan pegawai-pegawai Kanan UUM di Bilik Senat.

Dengan termeterai MoU itu maka akan wujud hubungan kerjasama dengan rakan akademik khususnya antara Pusat Pengajian Undang-Undang dan Ahmad Ibrahim Kulliyah of Laws (AIKOL) dalam meningkatkan pencapaian dan seterusnya diiktiraf kewujudannya dalam menyumbang ke arah kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran Universiti masing-masing.

Dalam masa yang sama, UUM telah mengorak langkah menjadikan agenda pengantarabangsaan sebagai salah satu teras dalam pelan strategik universiti selain terus memperkasakan *niche* utama universiti iaitu dalam aspek pengurusan. UUM percaya hubungan kolaboratif dengan UIAM mampu menterjemahkan usaha-usaha pengantarabangsaannya ke fasa yang lebih dinamik.

Melalui hubungan kerjasama ini juga, para pelajar akan mendapat manfaat dari segi mobiliti dan pertukaran pelajar serta program *double degree* yang bakal melahirkan pelajar yang holistik dan *versatile*. Selain itu para ilmuan dari kedua-dua buah universiti juga dapat memanfaatkan hubungan kerjasama ini dengan menimba pengalaman sebagai '*visiting scholar*' dan juga menjalankan kajian kolaboratif sesama mereka.

Turut hadir meraikan majlis tersebut adalah Dekan, Timbalan Dekan dan beberapa staf akademik Pusat Pengajian Undang-Undang.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Dekan (Dean Office)

Pusat Pengajian Undang-Undang (School of Law)

UUM College of Law, Government & International Studies (UUM COLGIS)

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia

Tel : 04-9288101 | Faks: 04-9288107 | Email : sol@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.